itu tidak bererti bahawa permohonan-permohonan dan afidavit-afidavit yang difailkan selepas Arahan itu berkuatkuasa dikecualikan daripada dibuat dalam Bahasa Kebangsaan. Peruntukan Arahan itu mengenai prosiding mendesak ada kalanya disalahgunakan. Pertama, permohonan yang tidak mendesak pun dikatakan mendesak untuk mengelak daripada keperluan memfailkan salinan dalam Bahasa Kebangsaan. Salinan dalam Bahasa Kebangsaan yang dikehendaki difail dalam masa dua minggu ada kalanya tidak difailkan. Dalam keadaan ini, rasanya, arahan itu patut dipinda menghendaki semua permohonan, sama ada mendesak atau tidak, dan semua afidavit difailkan dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan. Ekshibit-ekshibit yang bahasa asalnya Bahasa Inggeris bolehlah terus digunakan tanpa terjemahan ke Bahasa Kebangsaan, kerana adalah tidak praktikal untuk menterjemahkan kesemuanya.

Permohonan plaintif seperti dalam perenggan (a), (b) dan (c) saman dalam kamar yang dipinda (lampiran 117) diluluskan.

PERWIRA HABIB BANK MALAYSIA BHD.

lwn.

ISHAK BIN ISMAIL

MAHKAMAH TINGGI, MELAKA
DATO' HJ. MOHD. NOOR B. HJ. AHMAD H.
[GUAMAN NO: 22-104-1990]
19 APRIL 1993

GERENTI: Tuntutan diatas gerenti peribadi - Gerenti diberikan berhubung dengan pinjaman perniagaan - Plaintif memohon penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Rayuan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar.

Responden (plaintif) telah memberi pinjaman perniagaan sebanyak RM200,00 dan pinjaman di bawah Skim C.G.C sebanyak RM50,000 kepada Syarikat Aidigi Sdn. Bhd. Satu cagaran rumah, satu gerenti oleh Credit Guarantee Corporation dan gerenti peribadi oleh defendan (perayu) dan seorang lain telah dibuat di atas kedua-dua pinjaman tersebut. Akibat dari kegagalan syarikat tersebut membayar hutangnya, tindakan diambil oleh responden terhadap perayu di atas gerenti peribadi tersebut.

Responden telah memperolehi penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 di hadapan Penolong Kanan Pendaftar dan perayu telah merayu terhadap keputusan tersebut kepada Hakim dalam kamar. Peguam perayu menekankan bahawa isu-isu yang serius yang perlu dibicarakan telah timbul dalam tindakan ini dan beliau menghujahkan bahawa ini bukan satu kes yang boleh diputuskan melalui prosedur di bawah Aturan 14.

Diputuskan:

[1] Isu-isu yang terdapat dalam kes ini boleh diputuskan dengan mudah dari fakta-fakta dan dokumen-dokumen yang terdapat dan kes ini tidak menimbulkan sebarang soal undang-undang yang rumit. Ia adalah jelas bahawa perayu tidak mempunyai apa-apa pembelaan.

[2] Rayuan perayu dibenarkan setakat amaun yang disebutkan dalam Eksibit PHB-7 di Lampiran (32) dan bukan mengikut amaun dalam penyata tuntutan responden dan ini mengakibatkan penghakiman terus diberi

terhadap perayu sebanyak RM320,085.74 dengan faedah.

[Rayuan perayu dibenarkan tanpa kos].

Kes-kes yang dirujuk:

Supreme Finance (M) Bhd. lwn. Bukit Barat Development Sdn. Bhd. & Anor. [1991] 2 CLJ 1394 ***(dirujuk)***

Bank Bumiputra Malaysia Bhd. lwn. Esah bt Abdul Ghani [1985] 2 CLJ 409/[1986] 1 MLJ 16 @ 18 AB ***(dirujuk)***

D & C Nomura Merchant Banker Bhd. lwn. Gunung Kuari Sdn. Bhd. & 3 Ors. [1990] 2 CLJ 58 @ 60 EF ***(dirujuk)***

Bank Bumiputra Malaysia Bhd. lwn. Doric Development Sdn. Bhd. & 20 Ors.[1987] CLJ 383/ [1988] 1 MLJ 462 @ 463 ***(dirujuk)***

Akta-akta yang dirujuk:

Akta Buku Banker (Keterangan) 1949, ss. 4, 5
Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14

Bagi pihak Perayu - Bashir; T/n. Bashir & Co.
Bagi pihak Responden - Lee; T/n. Shook lin & Bok

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Mohd. Noor b. Hj. Ahmad H:

Ini adalah rayuan oleh defendan (selepas ini disebut 'Perayu') terhadap keputusan saya yang membenarkan rayuannya setakat amaun yang disebutkan dalam Eksibit PHB-7 di Lampiran (32) dan bukan mengikut amaun dalam penyata tuntutan plaintif (selepas ini disebut 'Responden'). Keputusan itu mengakibatkan penghakiman terus diberi terhadap Perayu sebanyak RM320,085.74 dengan faedah.

Secara ringkas, fakta-fakta adalah seperti berikut.

(1) Pada 12 Mac 1983, Responden telah memberi pinjaman perniagaan sebanyak RM200,000 dan pinjaman di bawah Skim C.G.C. sebanyak RM50,000 kepada Syarikat Aidigi Sdn. Bhd. (selepas ini disebut 'Syarikat itu'). Faedah yang dikenakan ke atas pinjaman perniagaan adalah 9% setahun dengan kiraan harian yang dikompaunkan setiap bulan dan ke atas pinjaman di bawah Skim C.G.C. adalah 7.5% setahun. Satu cagaran rumah, satu gerenti oleh Credit Guarantee Corporation dan gerenti peribadi oleh Perayu dan seorang lain telah dibuat di atas kedua-dua pinjaman tersebut. Akibat dari Syarikat itu gagal membayar hutangnya tindakan diambil oleh Responden terhadap perayu di atas gerenti peribadi tersebut (Eksibit PHB-2) di Lampiran (8)).

(2) Kronologi peristiwa relevan yang berlaku dalam tindakan ini adalah seperti berikut -

1 Ogos 1990	- Rumah yang dicagar itu dilelong dengan harga sebanyak RM72,000.
24 Oktober 1990	- Notis tuntutan diberi kepada Perayu oleh Responden menuntut sebanyak RM327,421.11 dengan faedah atas baki hutang pada 30 September 1990.
29 November 1990	- Penyata tuntutan difailkan.
20 Mac 1991	- Permohonan penghakiman terus difailkan.
3 April 1991	- Responden menerima hasil jualan lelong itu sebanyak RM67,754.49
11 April 1991	- Hasil itu dikreditkan ke dalam akaun Syarikat itu.
3 Ogos 1992	- Sijil hutang difailkan melalui Lampiran (32) sebagai Eksibit PHB-7 yang menunjukkan baki hutang pada 30 June 1992 sebanyak RM320,085.74 dengan faedah.

(3) Pada 20 Mac 1991 Responden memohon penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Penolong Kanan Pendaftar telah membenarkan permohonan itu sebanyak RM327,421.11 dengan faedah dan kos sepertimana dituntut dalam penyata tuntutan. Perayu telah membuat rayuan kepada saya.

Peguam perayu menekankan bahawa isu-isu yang serius yang perlu dibicarakan seperti berikut telah timbul -

(1) Samada Responden sepatutnya mengeksibitkan dalam permohonannya dokumen-dokumen mengenai cagaran rumah itu, jaminan di bawah pinjaman Skim C.G.C. dan lain-lain dokumen yang disebutkan di perenggan 2 dalam Lampiran (15)?

(2) Sama ada Responden telah bersalah di sisi undang-undang dan bertindak bertentangan dengan polisi awam dan dengan amalan dan prosedur urusan bank dengan -

(a) memberi pinjaman perniagaan sebanyak RM200,000 kepada Syarikat itu dalam bentuk overdraf sebagai ganti ke atas permohonan pinjaman Syarikat itu di bawah Skim C.G.C. dan juga memberi pinjaman di bawah Skim C.G.C. kepada Syarikat itu sebanyak RM50,000?

(b) mengambil cagaran rumah dan gerenti peribadi itu sebagai sekuriti kepada hutang sebanyak RM250,000 (yang termasuk pinjaman di bawah Skim C.G.C. sebanyak RM50,000) walhal pinjaman di bawah Skim C.G.C. tidak memerlukan sekuriti sedemikian?

(c) mengambil cagaran rumah sebagai sekuriti yang nilaiannya lebih rendah dari amaun pinjaman tersebut memandangkan bahawa nilai rumah itu dikatakan sebanyak hanya RM160,000, dan diasaskan atas 60%, pinjaman maksima yang sepatutnya diberi hendaklah sebanyak RM96,000 sahaja?

(3) Sama ada tindakan responden tidak matang (premature) kerana remedi terhadap cagaran rumah itu belum selesai?

(4) Sama ada amaun yang dituntut termasuk faedah sepertimana disebutkan dalam Sijil Hutang itu betul dan boleh diterima sebagai keterangan memandangkan yang peruntukan ss. 4 dan 5 'Bankers Books (Evidence) Act 1949' tidak dipatuhi?

(5) Sama ada penyata tuntutan itu lengkap memandangkan yang ianya tidak menyebutkan penjualan rumah yang digadai itu dan oleh itu, sama ada writ perlu dipinda terlebih dahulu untuk memasukkan amaun dan faedah yang sebenarnya?

Pendapat saya di atas isu-isu tersebut adalah -

Isu (1)

Responden tidak perlu mengeksibitkan dalam permohonannya dokumen-dokumen tersebut kerana tindakan responden terhadap perayu adalah di atas gerenti peribadi perayu berhubung dengan baki hutang pinjaman peniagaan sahaja. Walauapapun hal tentang cagaran dan penjualan rumah itu secara lelongan awam dan hasilnya telahpun disebutkan di perenggan 4 dan 5 dalam afidavit Pengurus Responden (Lampiran (32)).

Isu (2)

Apabila ditanya oleh saya, Peguam perayu tidak dapat membuktikan undang-undang, polisi awam serta amalan dan prosedur urusan bank yang mana tindakan-tindakan Responden itu dikatakan salah dan bertentangan. Mengenai tindakan (a), walaupun permohonan Syarikat itu sebanyak RM200,000 pada mulanya untuk pinjaman di bawah Skim C.G.C., responden berhak menolak permohonan itu dan sebaliknya memberi pinjaman perniagaan dalam bentuk Overdraf dan juga memberi satu pinjaman di bawah Skim C.G.C. yang telah diterima oleh Syarikat itu. Berkaitan dengan tindakan (b), Responden sebagai sebuah bank yang berhemat masih boleh meminta cagaran dan gerenti peribadi sebagai tambahan, mengikut budibicaranya sama ada atau tidak pinjaman itu dijamin oleh C.G.C. Tentang tindakan (c), mengikut amalan bank jumlah pinjaman yang diluluskan oleh Responden adalah tidak berdasarkan nilai harta yang digadaikan (yang mungkin benar dalam kes pinjaman perumahan tetapi bukan semestinya satu pinjaman perniagaan). Dan lagi, Responden mengikut budibicaranya boleh mempertimbangkan pemberian pinjaman yang melebihi nilai cagaran atas dasar antara lainnya projek itu dapat hidup sendiri. Walauapapun jika projek itu gagal sebarang risiko adalah di atas Responden sendiri.

Isu (3)

Responden adalah berhak memulakan tindakan ini kerana Fasal 3 gerenti peribadi itu mengatakan bahawa jaminan tersebut adalah sebagai tambahan kepada mana-mana cagaran lain yang diberi berhubung dengan pinjaman Syarikat itu. Responden berhak mengambil tindakan serentak di atas cagaran rumah itu dan gerenti peribadi tersebut bagi mendapat kembali hutangnya. Di bawah gerenti peribadi tersebut liabiliti Perayu adalah utama dan sama berat dengan labiliti

Syarikat itu. Walaupun Perayu mempunyai ekuiti untuk membantah terhadap pemulaan tindakan ke atasnya berhubung dengan gerenti peribadi itu sebelum penjualan rumah yang dicagar itu selesai ianya tidak meberi satu pembelaan kepada Perayu atau satu isu yang perlu dibicarakan (Lihat *Supreme Finance (M) Bhd. v. Bukit Barat Development Sdn. Bhd. & Anor.* [1991] 2 CLJ 1394; *Bank Bumiputra Malaysia Bhd. v. Esah bt Abdul Ghani* [1986] 1 MLJ 16 @ 18 AB kiri]). Tambahan pula dalam kes ini ketika penyata tuntutan difailkan penjualan rumah itu telah selesai akan tetapi cuma Responden belum menerima hasil lelongan awam itu untuk dikreditkan ke dalam akaun Syarikat itu.

Isu (4)

(1) Perayu telah bersetuju di bawah terma-terma gerenti peribadi itu bahawa mana-mana penyataan Responden berkenaan jumlah yang kena dibayar kepada Responden akan diterima sebagai keterangan konklusif mengenai tahap liabilitinya. Oleh itu, Sijil Hutang tersebut mengikat Perayu kecuali jika terdapat kesilapan yang serius (Lihat *D & C Nomura Merchant Banker Bhd. v. Gunung Kuari Sdn. Bhd. & 3 Ors.* [1990] 2 CLJ 58 @ 60 EF kiri). Perayu mengatakan di perenggan 9 dalam Lampiran (15) yang ia tidak mempunyai pengetahuan tentang jumlah yang patut dan harus dibayar kerana ia tidak pernah dibekalkan dengan sebarang penyata bank tersebut dan, oleh itu, ia meletakkan Responden suatu bukti ketat (strict proof). Pengataan ini pada pendapat saya hanya merupakan penafian semata-mata (lihat *Bank Bumiputra Malaysia Bhd. v. Doric Development Sdn. Bhd. & 20 Ors.* [1988] 1 MLJ 462 @ 463 BF kanan). Soalnya ialah sama ada terdapat kesilapan yang serius dalam Sijil Hutang tersebut (Eksibit PHB-7 lampiran (32). Saya berpendapat bahawa tidak terbukti kesilapan yang serius di dalamnya kerana ekspresi "kadar 9% setahun dengan kiraan harian yang dikenakan setiap bulan ke atas jumlah RM327,421.11" yang terdapat dalam penyata tuntutan dan ekspresi "kadar 9% setahun dengan kiraan harian yang dikompaunkan setiap bulan ke atas jumlah tersebut sebanyak RM327,421.11" dari sudut praktis (practical sense) adalah sama iaitu, baki harian dijumlahkan, didarabkan dengan kadar 9% dan kemudian dibahagikan dengan 365 hari. Walaupun di dalam Surat Tawaran (Eksibit PHB-1 dalam Lampiran (8) kadar faedah disebut sebagai 9% p.a., hakikat ini tidak menjejaskan pendapat saya itu kerana mengikut amalan Bank-Bank dalam perjanjian-perjanjian pinjaman, Bank-Bank selalu mengekalkan haknya untuk mengubah kadar faedah dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis kepada peminjam-peminjam, dan berhubung dengan ini tidak terbukti sebaliknya. Dalam hal ini, Perayu adalah terikat dengan terma-terma di Fasal (1) dan (8) dalam gerenti peribadi tersebut. Walauapapun, isu faedah kompaun tidak dibangkitkan oleh perayu sama ada dalam penyata pembelaannya atau mana-mana afidavit jawapannya.

(2) Sijil Hutang tersebut boleh diterima sebagai keterangan tanpa mematuhi peruntukan seksyen-seksyen yang relevan dalam Akta itu kerana ianya bukanlah satu catatan di dalam sebuah Buku Bank tetapi dikeluarkan oleh Responden mengikut terma-terma dalam gerenti peribadi tersebut. Walauapapun penerimaan penyata akaun (Eksibit PHB-6) dalam Lampiran (32) sebagai keterangan adalah mengikut kehendak Akta itu. Sila lihat perenggan 6 dalam Lampiran (32).

Isu (5)

Penyata tuntutan itu adalah lengkap kerana tindakan Responden terhadap Perayu adalah semata-mata di atas gerenti peribadi. Ianya tidak perlu dipinda kerana ketika Notis Tuntutan diberi kepada Perayu, penyata tuntutan dan permohonan penghakiman terus difailkan, Responden belum menerima hasil jualan lelong yang sebenarnya untuk dikreditkan ke dalam akaun Syarikat itu. Pendek kata, penyata tuntutan mencerminkan amaun yang sebenarnya ketika itu.

Oleh sebab isu-isu tersebut boleh diputuskan dengan mudah dari fakta-fakta dan dokumen-dokumen yang terdapat dan tidak menimbulkan sebarang soal undang-undang

yang rumit saya berpuashati bahawa perayu tidak mempunyai apa-apa pembelaan.

Oleh yang demikian, rayuan perayu dibenarkan sepertimana disebutkan di perenggan 1 di atas tanpa kos.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA BHD.

lwn.

BUSINESS CHINESE DIRECTORY SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATUK HJ. MOKHTAR HJ. SIDIN H.
[GUAMAN NO. D3-22-1073-91]
25 JUN 1993

INJUNKSI: ***Permohonan untuk injunksi tetap - Injunksi menghalang defendan dari menerbitkan dan memasarkan buku panduan telefon - Sama ada plaintif adalah pemegang eksklusif untuk menjilid, menerbit dan mencetak buku-buku panduan telefon - Sama ada buku panduan defendan adalah buku panduan telefon sebagaimana yang di takrifkan oleh s. 44 Akta Telekomunikasi 1950.***

TAFSIRAN STATUT: ***Tafsiran undang-undang pindaan - "Savings clause" yang ternampak bercanggah dengan "repealing clauses" - Prinsip tafsiran.***

KETERANGAN: ***Eksibit tidak diterjemahkan - Kesannya - Sama ada eksibit boleh diterima masuk sebagai keterangan - Aturan 92 Kaedah 1, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Sama ada aturan tersebut mandatori.***

Plaintif mengatakan yang ia adalah pemegang eksklusif untuk menjilid, menerbit dan mencetak buku-buku panduan telefon. Plaintif seterusnya mengatakan yang defendan telah melanggar hak eksklusifnya apabila defendan menerbitkan buku bertajuk "Malaysian Business Chinese Directory" (buku defendan) dan memohon satu injunksi untuk menghalang defendan dari terus menerbitkan dan memasarkan apa-apa buku panduan telefon tanpa persetujuan atau kebenaran daripada plaintif. Plaintif juga menuntut gantirugi daripada defendan.

Defendan pula menyatakan bahawa plaintif tidak mempunyai hak eksklusif untuk menerbitkan buku panduan telefon dan menghujahkan bahawa kausa tindakan plaintif adalah satu penyalahgunaan proses Mahkamah. Defendan juga mengatakan bahawa buku defendan bukanlah buku panduan telefon sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Telekomunikasi 1950 (Akta tersebut).